

24 JUN 2003

I

CHAN MAMPU KENDALIKAN KEMENTERIAN BARU, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu berkata pelantikan Datuk Chan Kong Choy sebagai Menteri Pengangkutan baru oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini merupakan pilihan yang baik.

Beliau berkata Chan seorang yang berkemampuan untuk mengendalikan kementerian itu.

"Saya rasa beliau cukup berpengalaman di Kementerian Kewangan sebelum ini dan pengalaman itu boleh digunakan bagi meningkatkan sesuatu pelaksanaan di Kementerian Pengangkutan pula," katanya pada persidangan akhbar selepas merasmikan Persidangan Meja Bulat Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif dalam Industri Pembinaan.

Beliau diminta mengulas pelantikan Chan yang diumumkan oleh Perdana Menteri awal hari ini.

Chan yang juga timbalan presiden MCA menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik yang telah meletakkan jawatan Kabinetnya.

Selain daripada Chan, Perdana Menteri juga mengumumkan pelantikan Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Dr Ng Yen Yen yang menggantikan Chan sebagai Timbalan Menteri Kewangan manakala Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Fu Ah Kiow pula menggantikan tempat Dr Ng.

-- BERNAMA

PK NM BK ROS